

Bil. S 12

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT

(AKTA KETENTERAMAN DALAM NEGERI) (PINDAAN), 1998

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

Gelaran. 1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Akta Ketenteraman Dalam Negeri) (Pindaan), 1998.

Pemasukan bab 29A yang baru dalam Penggal 148. 2. Akta Ketenteraman Dalam Negeri adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 29 –

"Membawa dll. alat pembakar. 29A. (1) Sebarang orang yang di mana-mana tempat, sama ada tempat orang ramai atau tidak, membawa atau ada dalam miliknya atau di bawah kawalannya sebarang alat yang dikenali sebagai bom botol atau sebarang jenis alat pembakar yang lain, sama ada serupa dengannya atau tidak, yang digunakan atau dapat digunakan untuk menyalakan atau membiarkan sebarang api, melainkan dengan kebenaran yang sah di sisi undang-undang atau semata-mata bagi tujuan yang sah di sisi undang-undang adalah melakukan satu kesalahan : Hukuman, –

Penggal 22. (a) jika tempat itu dalam kawasan talian paip petroleum, talian paip gas, talian paip bekalan air, loji bekalan elektrik atau sebarang harta yang diisytiharkan sebagai harta yang ditetapkan yang dikenakan dengan perenggan (b) ceraiian (1) bab 435 dari Kanun Hukuman Jenayah, penjara seumur hidup ; atau

(b) dalam sebarang kes lain, penjara selama tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari 10 tahun dan sebat tidak kurang dari 3 kali sebatan.

(2) Dalam sebarang pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah ceraiian (1), tanggungjawab membuktikan bahawa yang dituduh telah membawa alat tersebut

atau ada dalam miliknya atau di bawah kawalannya semata-mata bagi tujuan yang sah di sisi undang-undang adalah terpulang kepada yang dituduh itu.

(3) Seseorang akan dianggap mempunyai kebenaran yang sah di sisi undang-undang bagi maksud bab ini jika dia membawa atau ada dalam miliknya atau di bawah kawalannya sebarang alat seperti itu –

- (a) dalam atau yang berhubung dengan pelaksanaan tugasnya sebagai seorang anggota dari mana-mana pasukan keselamatan atau sebagai seorang dalam perkhidmatan Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa tempatan di Negara Brunei Darussalam ; atau
- (b) sebagai sebahagian dari pakaian rasmi atau adat istiadat dalam sebarang acara rasmi atau adat istiadat.

(4) Bagi maksud cerai (1), adalah tidak penting sama ada alat tersebut boleh dilihat atau tidak atau sama ada ia disembunyikan dalam apa jua cara pun atau tidak.”

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1419 bersamaan dengan 13 haribulan Mei, Tahun Masihi 1998 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM